



UNIT AUDIT DALAM, KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
PENGAUDITAN KENDIRI PENGURUSAN KEWANGAN (PKPK)
SKOP PENILAIAN: 1 JANUARI 2023 HINGGA 31 DISEMBER 2023

Perkara Yang Dinilai : Kawalan Bajet

Objektif : Untuk menentukan sama ada Jabatan memastikan sumber yang terhad dirancang dan diagihkan secara teratur.

Nota : a: Bilangan sampel patuh/ b: Bilangan sampel tidak patuh/ c: Tidak Berkenaan (TB)

Indikator / Sub indikator	Peraturan	Bil.	Kriteria	Prosedur Semakan	Risiko	Bilangan Sampel	a	b	c
Penyediaan Bajet	PB 1.1	1.	Penyediaan bajet disediakan di peringkat aktiviti yang kemudian diselaraskan di peringkat Program	1. Dapatkan Fail Bajet tahunan Pusat Tanggungjawab (PTJ). 2. Semak Fail Bajet dan tentukan sama ada bengkel/ mesyuarat penyediaan bajet diadakan atau terdapat surat/ emel berkaitan penyediaan bajet.	1	1			
		2.	Laporan Bajet Program dan Prestasi Tahun Kewangan diaudit dikemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia mengikut tarikh ditetapkan.	3. Dapatkan satu salinan Laporan Bajet Program dan Prestasi Kementerian/ Jabatan tahun kewangan diaudit yang ditandatangani oleh Pegawai Pengawal dan dikemukakan kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan. Tentukan laporan tersebut dikemukakan tidak lewat daripada tarikh yang ditetapkan.	1	1			
Pengagihan Peruntukan	1. PB 1.2 2. Arahan Pegawai Pengawal	3.	Bahagian Kewangan akan mengagihkan Waran Peruntukan Pertama kepada Bahagian/Jabatan seawal minggu pertama Januari setiap tahun.	1. Dapatkan Fail Waran Peruntukan dan semak tarikh Waran Am diterima daripada JANM. Nota: Waran Am (Anggaran Perbelanjaan Mengurus) dikeluarkan oleh Menteri Kewangan dan dihantar kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) dan kemudiannya JANM akan memanjangkan sesalinan kepada semua Pegawai Pengawal. Pegawai Pengawal akan mengeluarkan waran peruntukan kecil bagi peruntukan mengurus bagi tahun kewangan kepada PTJ di bawahnya mengikut kod Objek Am atau Objek Sebagai.	1	10			
		4.	Ketua Jabatan hendaklah memastikan tindakan Akuan Terima bagi Waran Peruntukan Pertama melalui iGFMAS adalah dalam tempoh tiga (3) hari bekerja.	2. Bagi Peringkat Kementerian/ Pegawai Pengawal: Pilih semua atau minimum 10 Waran Peruntukan Kecil dengan nilai tertinggi (Mengurus) yang pertama dikeluarkan kepada PTJ dan dapatkan tarikh waran ini dikeluarkan kepadanya dan tentukan ia dikeluarkan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja daripada tarikh waran pertama diterima (tidak lewat	1	10			
		5.	Waran Peruntukan Kecil (WPK) hendaklah dikeluarkan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja daripada tarikh waran pertama diterima.		1	10			

Indikator / Sub indikator	Peraturan	Bil.	Kriteria	Prosedur Semakan	Risiko	Bilangan Sampel	a	b	c
				daripada 15 Januari). Dapatkan Laporan Waran Peruntukan dari sistem iGFMAS untuk tujuan semakan silang. 3. Bagi Peringkat Jabatan: Pilih semua atau minimum 10 Waran Peruntukan Kecil dengan nilai tertinggi (Mengurus) yang pertama dikeluarkan kepada PTJ dan dapatkan tarikh waran ini dikeluarkan kepadanya dan tentukan ia dikeluarkan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja daripada tarikh waran am/ pertama diterima (tidak lewat daripada 15 Januari). Dapatkan Laporan Waran Peruntukan dari sistem iGFMAS untuk tujuan semakan silang.					
Kelulusan Pindah Peruntukan / Peruntukan Mengurus	1. Seksyen 15A(2) Akta Tatacara Kewangan 1957 2. Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) berkenaan Tarikh Akhir Penyerahan Dokumen Kewangan Bagi Tahun Semasa	6.	Waran pindah peruntukan ditandatangani oleh Pegawai Pengawal atau wakil yang diberi kuasa secara bertulis dan mendapat kelulusan Perbendaharaan.	1. Tentukan semua waran tersebut ditandatangani oleh Pegawai Pengawal atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis dan mendapat kelulusan Perbendaharaan dengan menyemak fail surat kuasa (jika berkenaan). 2. Tentukan permohonan pindah peruntukan dikemukakan kepada Bahagian Kewangan dari semasa ke semasa mengikut tempoh yang ditetapkan.	1	10			
		7.	Permohonan pindah peruntukan hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Kewangan dari semasa ke semasa mengikut tempoh yang ditetapkan.	3. Tentukan semua salinan waran pindah peruntukan dikemukakan kepada Akauntan Negara Malaysia tidak lewat daripada 31 Disember tahun kewangan yang diaudit atau tarikh yang ditetapkan oleh Jabatan Akauntan Negara.	1	10			
		8.	Semua salinan waran pindah peruntukan dikemukakan kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia tidak lewat daripada 31 Disember tahun kewangan yang diaudit atau tarikh yang ditetapkan oleh Jabatan Akauntan Negara.	4. Pilih semua atau minimum 10 sampel waran pindah peruntukan pembangunan dengan nilai tertinggi yang terakhir bagi tahun kewangan yang diaudit berdasarkan kuasa yang diberikan seperti berikut: a. Pegawai Pengawal boleh meluluskan pindah peruntukan tidak lebih dari 50% peruntukan tahunan yang asal. b. Kelulusan Perbendaharaan : i. Tambahan kepada butiran yang telah dikurangkan melalui pindah peruntukan; ii. Pengurangan kepada butiran yang telah ditambah melalui pindah peruntukan; iii. Butiran yang tidak disediakan sebarang peruntukan; dan iv. Butiran yang telah disediakan peruntukan tetapi pelaksanaannya telah ditangguhkan.	1	10			
Kelulusan Pindah Peruntukan / Peruntukan Pembangunan	3. PB 1.2 Perenggan 5.4 4. PB 2.5 5. PB 2.6 6. Arahan Pegawai Pengawal	9.	Waran pindah peruntukan ditandatangani oleh Pegawai Pengawal dan mendapat kelulusan Perbendaharaan.	5. Tentukan semua salinan waran pindah peruntukan dikemukakan kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia tidak lewat daripada 31 Disember tahun kewangan yang diaudit atau tarikh yang ditetapkan oleh Jabatan Akauntan Negara.	1	10			
		10.	Semua salinan waran pindah peruntukan dikemukakan kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia tidak lewat daripada 31 Disember tahun kewangan yang diaudit atau tarikh yang ditetapkan oleh Jabatan Akauntan Negara.	6. Dapatkan ringkasan Pindah Peruntukan Pembangunan bagi tahun kewangan diaudit melalui sistem iGFMAS.	1	10			
		11.	Pindah peruntukan melebihi 50% daripada peruntukan tahunan asal perlu mendapat kelulusan Perbendaharaan.	a. Bandingkan jumlah pindah peruntukan dengan jumlah keseluruhan peruntukan asal projek pembangunan.	2	10			
		12.	Tambahan kepada butiran yang telah dikurangkan melalui pindah		2	10			

Indikator / Sub indikator	Peraturan	Bil.	Kriteria	Prosedur Semakan	Risiko	Bilangan Sampel	a	b	c
			peruntukan tidak dibenarkan kecuali mendapat kelulusan Perbendaharaan.	b. Jika jumlah pindah peruntukan tersebut melebihi 50% peruntukan asal, dapatkan salinan surat kelulusan Perbendaharaan.					
		13.	Pengurangan kepada butiran yang telah ditambah melalui pindah peruntukan tidak dibenarkan kecuali mendapat kelulusan Perbendaharaan.	7. Pilih semua atau minimum 10 sampel waran pindah peruntukan mengurus dengan nilai tertinggi yang perlu mendapat kelulusan Perbendaharaan bagi: <ul style="list-style-type: none"> i. Pindah daripada Objek Am 10000 kepada Objek Am yang lain ii. Pindah peruntukan melibatkan Dasar Baru atau <i>One Off</i> iii. Peruntukan Badan Berkanun iv. Program Khusus (Sekiranya ada). Program Khusus adalah program yang diletakkan di bawah Dasar Sedia Ada bagi memantapkan kawalan perbelanjaan. Contoh program khusus adalah seperti bertugas di luar negara dan emolumen kakitangan kontrak. 	2	10			
Unjuran Anggaran Keperluan Aliran Tunai (Tanggungjawab Pegawai Pengawal sahaja)	PB 1.2 PB 1.3	14.	Unjuran Anggaran Keperluan Aliran Tunai Tahunan Perbelanjaan Mengurus Dan Pembangunan dikemukakan kepada Perbendaharaan dalam tempoh yang ditetapkan serta disahkan oleh Pegawai Pengawal.	1. Dapatkan Unjuran Anggaran Keperluan Aliran Tunai Tahunan Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan dan Unjuran Anggaran Keperluan Aliran Tunai Bulanan bagi tahun kewangan yang diaudit. 2. Tentukan unjuran disediakan, disahkan oleh Pegawai Pengawal dan dikemukakan kepada Perbendaharaan mengikut tempoh ditetapkan. (Surat/ Memo/ Email dicetak dan difailkan).	1				
		15.	Unjuran Anggaran Keperluan Aliran Tunai Bulanan yang disahkan Pegawai Pengawal dikemukakan kepada Perbendaharaan sebelum 15 hari bulan setiap permulaan suku tahun (Januari, April, Julai dan Oktober).		1				
Pemantauan Projek	PB 1.3 Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2012	16.	Pegawai Pengawal hendaklah memastikan maklumat kewangan dalam SPP II/MyPROJEK dikemas kini.	1. Dapatkan Laporan Pemantauan Projek daripada Sistem iGFMAS bagi tahun kewangan diaudit. Pilih semua atau minimum 10 program/projek pembangunan yang menerima peruntukan atau mempunyai perbelanjaan yang tertinggi dan bandingkan dengan laporan daripada Sistem Pemantauan Projek (MyPROJEK) bagi menentukan maklumat kewangan projek dalam MyPROJEK adalah kemas kini. (Data mengenai peruntukan tahunan, tambahan/kurangan siling/peruntukan tahunan dan perbelanjaan setiap tahun).	3				

Indikator / Sub indikator	Peraturan	Bil.	Kriteria	Prosedur Semakan	Risiko	Bilangan Sampel	a	b	c
Penyaluran Peruntukan	PB 1.2 Surat Kementerian Kewangan KK/BPB/S(29.00)202/2-36 Jd. 5(29) bertarikh 21 Julai 2013	17.	Penyaluran peruntukan adalah wajar.	1. Dapatkan Laporan Arahan Pembayaran bagi Kelas Akaun B0442000 bagi bulan Disember tahun kewangan diaudit dan bagi bulan Akaun Kena Bayar. Pilih semua atau minimum 10 sampel Arahan Pembayaran melibatkan mana-mana kod kelas akaun lanjut di bawah kod seperti berikut: a. 42200 Pemberian Kepada Agensi-agensi Kerajaan b. 42500 Pemberian Kepada Perusahaan c. 42700 Pemberian Kepada Persatuan Kebangsaan Yang Tidak Bermotif Keuntungan	2				
Analisis Bajet (Peringkat Kementerian/ Jabatan Yang Mempunyai Pegawai Pengawal Sendiri) / Perbelanjaan Mengurus	Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan	18.	Perbelanjaan tidak melebihi peruntukan kecuali bagi tanggungan dan emolumen.	Pengauditan bagi indikator Analisis Bajet dilaksanakan berdasarkan Laporan iGFMAS.	3	1			
		19.	Perbelanjaan mempunyai peruntukan kecuali bagi tanggungan dan emolumen.		3	1			
		20.	Peruntukan diterima dibelanjakan.		1	1			
		21.	Peruntukan tambahan/ khas/ luar jangka/ virement dibelanjakan.		1	1			
		22.	Perbelanjaan tidak melebihi peruntukan keseluruhan kecuali bagi tanggungan dan emolumen.		2	1			
Analisis Bajet (Peringkat Kementerian Sahaja) / Perbelanjaan Pembangunan	Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan	23.	Perbelanjaan tidak melebihi peruntukan.	Pengauditan bagi indikator Analisis Bajet dilaksanakan setelah Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan diterima daripada Jabatan Akauntan Negara sekitar bulan Mac tahun kewangan berikutnya.	3	1			
		24.	Perbelanjaan mempunyai peruntukan.		3	1			
		25.	Peruntukan dibelanjakan lebih daripada 50%.		2	1			
		26.	Anggaran tahun semasa tidak melebihi kos keseluruhan.		2	1			
		27.	Peruntukan tambahan/khas/luar jangka/virement dibelanjakan.		1	1			
		28.	Perbelanjaan RMK semasa tidak melebihi kos projek.		3	1			

Disediakan :
Oleh : _____
()

Disemak :
Oleh : _____
()

Disahkan :
Oleh : _____
()

Tarikh :

Tarikh :

Tarikh :